



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4 APRIL 2016

# Najib rasmi pameran memperingati Tun Abdul Razak

*um - 4/4/2016*

**KUCHING 3 April** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengakhiri lawatan kerja selama tiga hari ke Sarawak dengan merasmikan Pameran Khas Memperingati Tun Abdul Razak di pusat beli-belah, The Spring di sini hari ini.

Beliau yang merupakan anak sulung kepada Perdana Menteri kedua itu, tiba di pusat beli-belah berkenaan bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor pada pukul 12.30 tengah hari.

Najib yang diiringi Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi negeri, Datuk Seri William Mawan Ikom dan Pengarah Muzium Sarawak, Ipoi Datan kemudian meluangkan masa selama 20 minit untuk melawat ruang pameran yang memaparkan gambar-gambar menarik serta bersejarah mengenai Allahyarham bapanya itu.

Perdana Menteri juga sempat menyaksikan tayangan video memaparkan temu ramah beliau dan ahli-ahli keluarga yang lain bercerita tentang pengalaman bersama Abdul Razak.

Sebelum meninggalkan majlis untuk berangkat pulang ke ibu negara, beliau telah dihadiahkan potret bapanya sedang bermain golf berwarna hitam putih.

Pameran Khas Memperingati Tun Abdul Razak yang berlangsung selama sebulan bermula hari ini hingga 3 Mei depan merupakan anjuran Jabatan Muzium Sarawak dengan kerjasama kerajaan negeri, Yayasan Cemerlang dan pusat beli-belah The Spring.

Program tersebut bertujuan mendedahkan orang ramai khususnya generasi muda tentang kepimpinan, etika kerja dan model pembangunan yang diperkenalkan oleh Abdul Razak sepanjang

menjadi Perdana Menteri bermula 1970 hingga 1976.

Hasil pendedahan tersebut diharapkan dapat membimbing golongan muda membentuk model pembangunan dan ekonomi negara yang konsensus.

Abdul Razak yang dilahirkan pada 11 Mac 1922, terkenal kerana melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan mengatasi masalah ketidakstabilan ekonomi dan sosial yang telah membangkitkan antagonisme perkauman dalam kalangan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum.

Selepas kematiannya, beliau telah dikenang sebagai 'Bapa Pembangunan'.

**Waktu Solat**  
MBSB  
Majlis Kebangsaan Bagi Hal-hal Agama Islam

	SUBUH	SYURUK	ZUHR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
<b>KUALA LUMPUR</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.56	7.11	1.19	4.22	7.23	8.32
<b>PULAU PINANG</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.59	7.14	1.24	4.24	7.29	8.38
<b>KUANTAN</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.51	7.07	1.14	4.17	7.17	8.26
<b>JOHOR BAHRU</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.48	7.04	1.10	4.17	7.13	8.23
<b>KUCHING</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.23	6.40	12.46	3.52	6.48	7.58

**Alumni Sekolah**